

UMP sumbang kelengkapan sekolah 70 anak asnaf

KUANTAN 31 Dis. - Seramai 70 murid daripada golongan asnaf dari sekitar bandar ini, Gambang, Kuala Pahang dan Nenasi dekat sini dibawa memilih kelengkapan sekolah dalam program Back To School anjuran **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari) dan QSR Brands (M) Holdings Berhad di sini, baru-baru ini.

Presiden Matahari, Prof. Datin Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim berkata, sumbangan kelengkapan persekolahan itu bagi meringankan beban keluarga kurang berkemampuan hasil inisiatif Program MyGift UMP.

Kata beliau, setiap murid berkenaan diberi peluang me-

milih sendiri sepasang pakaian seragam, kasut dan beg sekolah serta alat tulis.

"Sumbangan ini juga diterima daripada orang perseorangan yang disalurkan melalui persatuan dan MyGift UMP.

"Diharapkan ia dapat membantu ibu bapa murid yang dipilih ini membuat persiapan menjelang sesi persekolahan 2018," katanya ketika ditemui pada program berkenaan.

Menurut Mimi Sakinah, mereka yang hadir dalam program itu adalah dalam kalangan anak-anak yatim UMP dan peserta program Facelift UMP D'Kuala serta MyGift UMP.

"Ia adalah kesinambungan program MyGift yang dijalankan

sepanjang tahun terutama dalam usaha membantu komuniti setempat," ujarnya.

Sementara itu, seorang ibu penerima, Asiah Ahmad, 55, berkata, sumbangan yang dihulurkan UMP itu dapat meringankan beban pendidikan anak dan cucunya.

Katanya, dia menanggung enam orang yang bersekolah dari tabika hingga sekolah menengah pada sesi baharu persekolahan kelak.

"Selain anak, saya juga menjaga cucu yang merupakan anak yatim. Pendapatan saya sebagai tukang cuci dan suami sebagai nelayan sememangnya tidak mencukupi.

"Syukur dan terima kasih atas sumbangan ini," katanya.